# PERANGKAAN GETAH BULANAN, OKTOBER 2024

## PENGELUARAN GETAH ASLI

▲ 20.6%




## HARGA PURATA (sen/kg)

**G.M.M 20**
OKTOBER 2024: 873.39
SEPTEMBER 2024: 820.93
▲ 6.4%

**Lateks Pekat**
OKTOBER 2024: 746.36
SEPTEMBER 2024: 679.07
▲ 9.8%

## PENGGUNAAN DOMESTIK

▲ 2.1%

OKTOBER 2024: 24,130P tan metrik
SEPTEMBER 2024: 23,630 tan metrik




## STOK

▲ 1.9%

OKTOBER 2024: 134,844P tan metrik
SEPTEMBER 2024: 132,391 tan metrik




## IMPORT

OKTOBER 2024: 86,918P tan metrik
SEPTEMBER 2024: 67,810 tan metrik

▲ 28.2%

1. Thailand 37.9%
2. Cote D'lvoire 16.2%
3. Filipina 14.6%

## NEGARA UTAMA

## EKSPORT

OKTOBER 2024: 48,151P tan metrik
SEPTEMBER 2024: 39,930 tan metrik

▲ 20.6%

1. P.R. China 43.2%
2. Jerman 9.8%
3. Emiriah Arab Bersatu 9.2%

Nota : ▲▼ perubahan bulan ke bulan : P = Data awalan : G.M.M. = Getah Mutu Malaysia

# PERANGKAAN UTAMA GETAH, MALAYSIA ('000 TAN METRIK)




Pengeluaran




Penggunaan Domestik




Import




Eksport

Sumber: Perangkaan Getah Bulanan Oktober 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

# Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 20.6 peratus pada Oktober 2024

- Pengeluaran getah asli meningkat 20.6 peratus pada bulan Oktober 2024 (38,400 tan metrik) berbanding pada bulan September 2024 (31,847 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli meningkat 16.6 peratus (Oktober 2023: 32,944 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Oktober 2024 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (88.6%) berbanding sektor estet (11.4%).

- Jumlah stok getah asli pada Oktober 2024 meningkat 1.9 peratus kepada 134,844 tan metrik berbanding 132,391 tan metrik pada September 2024. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 88.1 peratus diikuti kilang pengguna getah (11.8%) dan estet getah (0.1%).

- Eksport getah asli Malaysia berjumlah 48,151 tan metrik pada Oktober 2024, meningkat 20.6 peratus berbanding September 2024 (39,930 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 43.2 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Oktober 2024 diikuti Jerman (9.8%), Emiriah Arab Bersatu (9.2%), Amerika Syarikat (4.8%) dan Portugal (2.8%).

- Harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 9.8 peratus (Oktober 2024: 746.36 sen sekilogram; September 2024: 679.65 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat sebanyak 7.4 peratus (Oktober 2024: 738.01 sen sekilogram; September 2024: 687.01 sen sekilogram).